



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 21/2019

234 KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN N.24 SEMENYIH DIKELUARKAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada hari ini, 17 Februari 2019 telah mengeluarkan sebanyak **234** kertas undi pos bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.24 Semenyih, Selangor. Pengeluaran tersebut dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di Bilik Gerakan Undi Pos di Metro Avenue, Kajang meliputi kategori undi pos seperti berikut:

- i. Pemilih Tidak Hadir (PTH) Luar Negara (penjawat awam yang bertugas di luar negara dan pasangannya; pelajar sepenuh masa dan pasangannya) seramai **32** orang pengundi seperti di negara Australia, Jerman, Romania, Russia, Iran, Austria, India, Morocco, Jepun, UAE dan Brunei.
- ii. Permohonan Borang 1A (petugas pilihan raya, polis dan tentera) adalah seramai **199** orang pengundi yang masing-masing meliputi **106** orang (petugas pilihan raya) dan **93** orang (anggota polis PGA).
- iii. Permohonan Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) seramai **tiga (3)** orang pengundi dari Korea Selatan dan Jepun.
- iv. Manakala tiada pengeluaran bagi kategori Borang 1C (anggota petugas kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan) kerana tiada permohonan diterima.

2. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil-wakil calon daripada Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), calon Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan wakil calon bebas.

3. SPR juga telah menjemput pemerhati-pemerhati pilihan raya yang dilantik untuk menyaksikan proses pengeluaran kertas undi pos itu. Beberapa pemerhati daripada *Malaysia Corruption Watch* (MCW), Tindak Malaysia dan Institut Darul Ehsan IDE turut hadir ke sesi tersebut.

4. Proses pengeluaran kertas undi pos bagi PRK N.24 Semenyih ini juga telah disiarkan secara langsung di media sosial SPR menerusi *live streaming Facebook* SPR bagi menunjukkan proses tersebut dilakukan secara telus, adil dan bersih. Selain daripada itu, ianya juga sebagai usaha pendidikan pengundi untuk meningkatkan lagi kefahaman masyarakat awam mengenai proses pilihan raya.

5. Kertas undi pos telah diserahkan kepada pihak Pos Malaysia. Semua penghantaran dibuat kepada pengundi-pengundi terbabit pada hari yang sama iaitu pada 17 Februari 2019. Manakala bagi kertas undi pos Polis PGA ianya diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk diserahkan kepada pengundi terbabit.

6. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos terbabit agar menanda kertas undi yang diterima dengan betul dan segera mengembalikannya semula kepada Pegawai Pengurus PRK DUN N.24 Semenyih sebelum jam 5.00 petang pada Hari Mengundi iaitu pada 2 Mac 2019 (Sabtu).

7. Pengundi juga diingatkan agar tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial. Sekiranya perbuatan ini dilakukan, tindakan undang-undang akan diambil dan jika disabitkan serta didapati bersalah boleh dikenakan hukuman sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 17 Februari 2019 / 12 Jamadil Akhir 1440H